



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI



MAJLIS PENYERAHAN DAGING KORBAN ACIS- YBIM PERINGKAT UiTM 2023



[24 Julai 2023]

Majlis berlangsung di Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, UiTM Shah Alam pada jam 9 pagi, majlis ini adalah kemuncak bagi kerjasama untuk tahun ketiga di antara Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM bersama Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM). YBIM sebagai pemegang rekod pengagihan daging korban terbesar di Malaysia merupakan penganjur ibadah korban pertama yang mendapat pengiktirafan ISO 9001:2015. Pengalaman dan kecekapan pengurusan ibadah korban ini membawa kepada kolaborasi Program Kembara Korban 1001 Asnaf ACIS YBIM.

YBhg. Prof. Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM di dalam ucapan perasmianya berhasrat supaya jalinan kerjasama ACIS YBIM dapat diteruskan lagi dengan mensasarkan promosi dan penyertaan yang lebih tinggi, supaya lebih banyak manfaat yang akan diperoleh bukan sahaja kepada warga UiTM, malah kepada masyarakat amnya. Keberhasilan program ini memberi impak yang sangat baik dan seharusnya diteruskan.

Turut serta di dalam Majlis Penyerahan Daging Korban ACIS YBIM Peringkat UiTM 2023 adalah Professor Madya Dr Mohd Afandi Mat Rani, Dekan ACIS; Professor Madya Dr Mohd Ashrof Zaki Yaakob, Pengarah Bahagian Zakat, Sedekah Dan Wakaf (Zawaf); wakil jemputan daripada YBIM dan 20 orang wakil penerima serahan daging korban.



اُنِيُوْزْ سَيِّتِيْ تَاكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.